

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans Kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; anda juga patut membacanya.

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Insurans Kemalangan Diri Right Cover Plus?

Right Cover Plus menyediakan perlindungan insurans 24 jam seluruh dunia terhadap kematian atau hilang upaya kekal yang disebabkan oleh kejadian malang yang tidak disengajakan, keganasan, secara luaran dan ketara.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM113.40 setahun (termasuk cukai perkhidmatan)**, anda akan menerima **perlindungan Pelan B*** berikut:

Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM50,000, pekerja pejabat Kelas 1 dan berumur 30 tahun.

Polisi ini melindungi:

No	Faedah-Faedah	Pelan A (RM)	Pelan B* (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan	25,000	50,000	80,000	100,000
2	Hilang Upaya Kekal	25,000	50,000	80,000	100,000
3	Perbelanjaan Pengebumian	1,000	1,000	1,500	2,000
4	Perbelanjaan Perubatan, Pembedahan Pembetulan Gigi dan/atau Kosmetik dan/atau Fi Ambulans	500	1,000	1,500	2,000
5	Belian Peralatan Ortopedik	300	400	500	600
6	Pendapatan Hospital Harian (sehingga 100 hari setiap kemalangan)	50	50	50	50
7	Pendapatan Hospital Berganda semasa berada di Unit Rawatan Rapi (sehari, sehingga 100 hari setiap kemalangan)	100	100	100	100
8	Indemniti 3x Ganda <ul style="list-style-type: none">Ketika cuti umum seluruh Malaysia; atauKetika dalam perjalanan sebagai seorang penumpang berbayar di dalam sebarang jenis pengangkutan awam; atauKetika dalam perjalanan di Luar Negara	75,000	150,000	240,000	300,000

Premium Tahunan (RM) (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem)

Premium Tahunan	Pelan A (RM)	Pelan B* (RM)	Pelan C (RM)	Pelan D (RM)
Individu	58	105	158	195
Individu & Pasangan Suami/Isteri	105	188	285	350
Individu & Bilangan Anak yang Tidak Terhad	88	150	225	280
Keluarga (Individu, Pasangan Suami/Isteri & Bilangan Anak yang Tidak Terhad)	128	230	345	430

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun melainkan anda telah mendaftar arahan pembayaran pembaharuan automatik untuk memperbaharui secara automatik, tertakluk kepada terma dan syarat.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 88 8990



Layari kami di
www.libertyinsurance.com.my



Emel kami di
customer@libertyinsurance.com.my



Imbas kod
QR di atas

Polisi ini tidak melindungi :
<ul style="list-style-type: none"> Sebarang jenis sakit, penyakit, virus, jangkitan atau parasit Sebarang kecacatan fizikal, mental atau uzur, sebarang jenis sawan yang sedia ada Semasa melakukan atau cubaan untuk melakukan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang termasuk tetapi tidak terhad kepada aktiviti ketika Orang Yang Diinsuranskan berada di bawah pengaruh alkohol atau pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan (kecuali ubat-ubatan yang diambil mengikut preskripsi dan arahan doktor) Bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan yang sengaja dilakukan pada diri sendiri oleh Orang Yang Diinsuranskan tidak kira kewarasan fikirannya pada masa insiden berlaku atau ketidaksiuman Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) tidak kira bagaimana sindrom ini diperolehi atau dinamakan Semasa terlibat dalam pergaduhan atau demonstrasi Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri dalam luncur air, sebarang aktiviti bawah air yang melibatkan penggunaan alat bantuan pernafasan (kecuali menyelam skuba), mendaki gunung yang melibatkan penggunaan tali atau jurupandu, sebarang perlumbaan selain daripada menggunakan kaki Pembunuhan atau serangan akibat daripada provokasi oleh Orang yang Diinsuranskan Jika Orang Yang Diinsuranskan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu kenderaan, ini tidak akan dikuatkuasa sekiranya Orang Yang Diinsuranskan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan untuk memegang atau memperolehi lesen memandu di bawah mana-mana undang-undang, undang-undang kecil dan peraturan yang ada.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans Right Cover Plus ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM105.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM105.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM8.40
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM113.40
Di mana ini termasuk:	
Komisen	25% daripada Premium Kasar atau RM26.25

Sila ambil perhatian bahawa:

- Kadar Cukai Perkhidmatan adalah tertakluk kepada kadar semasa yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none"> Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan. Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan usaha peribadi anda. Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan. Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk membuat bedah siasat di mana ia tidak dilarang oleh undang-undang. Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan/kecederaan dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kemalangan itu berlaku. Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi. Kelayakan – <ul style="list-style-type: none"> i) Produk ini disediakan untuk Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap Malaysia, Pemegang Permit/Pas Kerja di Malaysia dan/atau pasangan suami/isteri dan/atau anaknya yang sah atau pekerja yang menetap secara sah di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan ialah badan korporat, Pihak Diinsuranskan boleh menamakan pekerja sebagai Orang Yang Diinsuranskan. ii) Pihak Diinsuranskan atau pasangan suami/isteri/pekerjanya mestilah berumur 16 tahun hingga 75 tahun, dan boleh diperbaharui seumur hidup. Pihak Diinsuranskan yang berumur 16 tahun dan ke atas tetapi di bawah umur 18 tahun mesti mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga sebelum membeli Polisi insurans ini. iii) Anak Pihak Diinsuranskan yang masih berada di bawah tanggungan kewangannya mestilah berumur 30 hari hingga 18 tahun atau sehingga 25 tahun jika masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Setelah pembatalan, anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika tuntutan telah dibuat pada polisi.
- Untuk butiran penuh bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.